

## **BAB 4**

### **ISU-ISU DAN CABARAN**

#### **PENGENALAN**

Bab ini menyatakan secara terperinci mengenai analisis dari segi kemampuan dan keupayaan NATO dalam menjamin keselamatan Eropah secara khususnya. Ia dapat dilihat melalui kewujudan keadaan keselamatan dunia dalam era Perang Dingin yang terhasil daripada persekitaran yang diwujudkan melalui doktrin Truman dan Marshall Plan, pengujudan NATO dan rakan Atlantik serta kepimpinan Amerika Syarikat. Berakhirnya Perang Dingin memerlukan juga penglibatan Amerika seperti mananya kepentingannya sebelum Perang Dingin dan semasa Perang Dingin. Struktur NATO pula perlu dikaji semula berdasarkan pengalaman lama dan baru. Hari ini Amerika Syarikat mempunyai peranan utama dalam merangka keselamatan termasuklah keselamatan seluruh Eropah Barat, bekas jajahan Soviet, Eropah Tengah, Rusia dan bekas Republik Soviet. Penglibatan keseluruhan pihak di rantau Eropah berlaku dalam keadaan keselamatan bentuk baru bagi mewujudkan keadaan yang aman, stabil, demokratik dan ke arah penyatuan Eropah.

Marshall Plan yang digariskan selepas Perang Dunia Kedua bukanlah satu dasar yang terbaik sekiranya tidak mendapat sokongan dan kerjasama yang baik diantara negara-negara Eropah dan apa yang penting adalah mengingatkan tawaran Marshall bahawa dasar itu bukanlah hanya di Eropah Barat tetapi melibatkan juga Soviet Union.

Hari ini Eropah Barat muncul antara kuasa ekonomi yang terbesar hasil daripada kestabilan di rantau Eropah namun Amerika Syarikat masih terlibat memainkan peranan dalam mengekalkan kestabilan dan kemakmuran di Eropah. “ *The central goal of the United States is to help extend to all of Europe the benefits and obligations of the same liberal trading and collective security order that have been pillars of strength for the west* ”.<sup>109</sup>

#### **4.1. KEMAMPUAN KEANGGOTAAN NATO**

Kejayaan anggota NATO dalam menjamin keselamatan di Rantau Eropah harus merangkumi beberapa aspek utama seperti keselamatan pertahanan, keselamatan ekonomi, keselamatan sosial dan keselamatan politik.

Analisis mengenai peranan NATO dalam menjamin keselamatan Eropah akan meliputi kerjasama keselamatan Eropah Pasca Perang Dingin,kemampuan NATO berhadapan situasi Keselamatan Eropah, kesepakatan keanggotaan NATO itu sendiri, kekuatan pasukan tentera dan kelengkapan perang.

##### **4.1.1. Kerjasama Keselamatan Eropah Pasca Perang Dingin**

Keadaan keselamatan selepas tamatnya Perang Dingin, telah menimbulkan beberapa persoalan tentang sejauh mana kerelevan NATO dalam sistem dunia yang semakin

---

<sup>109</sup> Rudolf, Bahro, Building the Green Movement, London:Glup Publishers, Ltd, 1986

kompleks ditambah lagi dengan munculnya beberapa isu yang bukan bersifat ketenteraan seperti yang berlaku semasa Perang Dingin. Berhadapan dengan situasi ini, NATO perlu bergerak selari dengan tuntutan masa ini bagi membolehkannya ia relevan dalam konteks semasa.<sup>110</sup> Selain itu, satu persoalan lain ialah samada mampukan NATO berhadapan dengan isu-isu ini merupakan satu lagi persolan yang perlu dilihat dengan berhati-hati.

Apabila membincangkan hal yang berkaitan dengan penglibatan NATO dan kaitannya dengan faktor politik, ia tidak dapat lari daripada membincangkan sistem pembuatan keputusan (*Decision-Making*) dalam pertubuhan itu. Masalah yang wujud ialah berkaitan soal strategi ketenteraan Amerika Syarikat yang banyak mempengaruhi strategi ketenteraan NATO. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan ahli NATO yang lain. Sebagai contoh masalah yang berkaitan dengan isu di Balkan sering menimbulkan pertentangan pendapat di kalangan anggota-anggota NATO tentang keputusan samada mahu campurtangan atau tidak di negara tersebut. Hal ini berlaku kerana bekas jajahan Yugoslavia merupakan kawasan-kawasan yang dikatakan berada di luar pengaruh NATO (Jack Mendelsohn 1998: 134). Ini menyebabkan berlakunya kesukaran untuk memutuskan sesuatu polisi ke atas negara tersebut kerana tidak wujud satu badan supernasional dan kesepakatan yang amat penting untuk dijadikan asas kepada ‘*collective foreign policy*’. Biasanya apabila sesuatu polisi dibuat ke atas negara yang bukan anggota (*Out Of Area*), ia biasanya memerlukan kesepakatan ke atas polisi

---

<sup>110</sup> Celeste A. Wallander, Institutional Assets and Adaptability: NATO After the Cold War, International Organization 54, 4, Autumn 2000. Hlm. 705–735.

yang hendak dibuat. Sebagai contoh kes yang berlaku pada tahun 1995, dimana akibat kegagalan PBB untuk mengatasi masalah di rantau Balkan khususnya keganasan yang berlaku di Bosnia, menyebabkan beberapa negara anggota NATO seperti Perancis dan Belgium bersedia untuk menggunakan kuasa udara mereka untuk menyerang kedudukan tentera-tentera Serbia. Tetapi ianya mendapat tentangan daripada beberapa buah negara lain yang juga menganggotai pertubuhan ini seperti Sepanyol, Greece dan Britain. Keadaan yang wujud ini menyebabkan berlakunya masalah-masalah yang sukar untuk di atasi yang berkaitan perlaksanaan sesuatu polisi ke atas negara bukan anggota pertubuhan ini.

Menurut Jack Mendelson, masalah utama NATO ialah masalah wujudnya polisi tanpa strategi. Dalam hal ini, kita dapat melihat dengan jelas tentang pentingnya penekanan diberi kepada perlaksanaan strategi dan polisi dalam menentukan dasar dan tindakan negara NATO ini di negara-negara luar termasuk juga Bosnia. Masalah-masalah yang timbul ini akan menyukarkan kepada segala tindakan yang bakal diambil di Bosnia. Ini juga faktor sebenarnya yang berperanan besar dalam menentukan penyelesaian konflik yang berlaku di Bosnia ini. Permasalahan membuat keputusan sering berlaku di dalam NATO termasuk beberapa perkara seperti '*Military Strategy*' NATO banyak di arah oleh '*US Military Strategy*'. Hasil daripada masalah itu , banyak keputusan yang dicapai bersifat politik dan memihak kepada kuasa-kuasa besar. Ini membawa kepada konflik dalaman NATO itu sendiri.

Masalah lain yang turut timbul adalah melibatkan “*Area Limit*”. Perbalahan sering timbul tentang kawasan yang memerlukan campurtangan NATO dalam membuat operasi ketenteraan contohnya samada tindakan ketenteraan boleh diambil di luar kawasan negara-negara pakatan NATO atau hanya tertumpu pada soal keselamatan di dalam negara NATO sendiri. Campurtangan NATO di kawasan-kawasan tertentu adalah berasaskan kepada kepentingan yang diambil oleh sesetengah negara ahli pakatan . Negara-negara NATO mempunyai perbezaan dari segi kepentingan pertahanan, politik dan ekonomi yang banyak mempengaruhi keputusan-keputusan dalam strategi pertahanan negara-negara ahli. Ini menimbulkan kesukaran dalam mencapai kata sepakat di kalangan negara-negara ahli.

Dalam “*Thematic Limit*” perbincangan hanya menumpukan soal-soal politik sahaja dan mengabaikan isu-isu lain yang turut memainkan peranan yang penting dalam NATO seperti ekonomi. Permasalahan seterusnya ialah “*Functional Limit*” yang menimbulkan pendebatan tentang soal ‘*Collective Operation*’ dalam NATO. Dalam mencapai sesuatu keputusan yang amat penting proses *Consultation* akan dilakukan dengan cara yang baik dan mengikut prosedur kerana ini akan melibatkan NATO dan memberi kesan kepada keselamatan NATO. Namun dalam hal-hal tertentu, ia akan dilakukan dengan cara yang paling mudah iaitu hanya dengan perbincangan ‘*inter-allied*’ atau ‘*bilateral-diplomacy*’.

Selain itu “*Domestic Jurisdiction*” dalam beberapa isu, termasuk proses *Consultation* yang tidak dapat diaplifikasikan kerana tanggungjawab besar dalam

menjalankan sesuatu hal yang berkait dengan penglibatan di dalam NATO banyak bergantung kepada dasar kerajaan sesebuah negara tersebut<sup>111</sup> . Selepas sesuatu tindakan diambil oleh negara terbabit barulah negara-negara NATO yang lain dibawa berunding. Dalam hal ini jelas menunjukkan bahawa *Consultation* ini hanya akan berfungsi sekiranya sesuatu masalah itu telah berlaku. Masalahnya ialah kesukaran untuk menentukan dalam keadaan yang bagaimana *Consultation* ini diperlukan.

Namun begitu masih wujud kerjasama antara ahli-ahli NATO terutama dalam soal mempertahankan negara-negara ahli dari ancaman luar contohnya wujud '*cooperative intervention*' yang bertujuan untuk memastikan keselamatan penduduk Eropah secara keseluruhannya daripada masalah dalaman yang berlaku dalam sesebuah negara. Selain daripada itu konsep keselamatan yang baru bagi Eropah adalah untuk bertukar daripada konsep '*mutual deterrence*' kepada '*mutual reassurance*' yang mana ini membolehkan kerjasama wujud antara negara-negara ini terutama dalam membuat keputusan bagi kepentingan bersama.

#### **4.1.2. Kemampuan NATO Berhadapan Situasi Keselamatan Eropah**

NATO masih berkeupayaan menangani situasi keselamatan di Eropah.

Tamatnya Perang Dingin tidak bermakna peranan NATO sebagai sebuah pertubuhan ketenteraan tidak bermakna lagi. NATO dilihat dalam situasi baru, persekitaran baru dan isu-isu yang lebih mencabar pastinya akan mampu berhadapan dengan segala

---

<sup>111</sup> Yves Boyer, Perspectives On A Future European Security System, Royal Institute OF International Affairs & International Institute For Global Peace , 1993 , Hlm.38

ancaman yang melanda rantau Atlantik Utara terutamanya Eropah. Pengalaman NATO berkonfrontasi dengan Soviet dari segi ketenteraan dan ekonomi lebih daripada 50 tahun merupakan satu pengalaman yang berharga kepada organisasi tersebut pada hari ini.<sup>112</sup> Oleh itu, bukanlah menjadi satu masalah yang besar bagi NATO untuk bertindak dalam berbagai-bagai situasi. Ini ditambah lagi dengan kemampuan negara-negara Eropah itu sendiri untuk menjadi *Superpower* daripada segi kekuatan ketenteraan seperti Jerman dan Perancis.<sup>113</sup>

Namun, timbul pertanyaan, sejauhmanakah NATO dapat meyakinkan negara-negara lain tentang kemampuannya untuk berhadapan dengan situasi politik, ekonomi dan ketenteraan yang berubah. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas melalui perbezaan persepsi beberapa negara Eropah mengenai pertubuhan ini sendiri. Di pihak Moscow yang bukan anggota NATO, berpendapat bahawa pertubuhan ini sebagai penyedia keselamatan Eropah adalah tidak diperlukan lagi memandangkan wujudnya badan yang bersifat pan-European misalnya *Conference on Security and Cooperation in Europe* yang dilihat oleh Moscow lebih dominan dalam mempengaruhi keselamatan di rantau Eropah ini. Namun, pandangan ini berbeza dengan pandangan pihak Paris.

Paris dalam hal ini masih yakin bahawa NATO masih diperlukan dalam konteks keselamatan Eropah. Namun, ia melihat bahawa prioriti mengenai keselamatan perlu diberikan kepada institusi di Eropah misalnya European Union yang dilihat lebih

---

<sup>112</sup> Vojtech Mastny, *Did Nato win the Cold War*, *Foreign Affairs*, Vol. 78, Issue 3, 1999.

<sup>113</sup> Qasim Ahmad, *Kesatuan Eropah di Alaf Baru*, *Jurnal Pemikir*, Julai-September, Bil 21., 2000. Hlm. 264.

berpengaruh dalam menangani masalah yang timbul. Masalah yang dimaksudkan di sini bukan sahaja merujuk kepada soal ketenteraan tetapi juga soal-soal lain misalnya ekonomi, integrasi dan lain-lain. Dalam hal ini Paris menyebut bahawa NATO perlu patuh kepada Artikel 5 perjanjian NATO yang menyebut tentang perlunya pertubuhan ini beroperasi hanya untuk tujuan pertahanan dan wilayah yang terhad tanpa perlu melibatkan '*military integration*'.<sup>114</sup> Bagi Amerika pula ia melihat penglibatannya di rantau tersebut masih sangat perlu. Oleh itu, NATO yang merupakan rangka kerja bagi kerjasama ini merupakan alat utama yang mampu meneruskan kehadiran Amerika di Eropah. Oleh itu, tidak menghairankan bahawa Amerika masih merasakan bahawa kehadirannya di rantau tersebut sebagai sesuatu yang amat perlu.<sup>115</sup>

Perbezaan mengenai keperluan dan kebolehan NATO berbanding pertubuhan lain yang masih diperdebatkan sehingga ke hari ini. Sebagai contoh badan lain seperti CSCE dan EU umpamanya hanya berfungsi sebagai badan yang membantu melengkapkan fungsi NATO bagi menjamin keselamatan Eropah.

#### **4.1.3. Kesepakatan**

Keberkesanan NATO juga bergantung kepada soal kesepakatan ahli-ahlinya. Daripada perspektif ini dapat dikatakan bahawa NATO masih mempunyai kesepakatan yang kuat

---

<sup>114</sup> Ronja Kempin, France's Discourses On Nato Since The Kosovo-War, Copenhagen Peace research Institute, 2001. Hlm 1-2

<sup>115</sup> Michael Brown, Minimalist NATO: A Wise Alliance Knows When To Retrench, Vol. 78, Issue 3.

dikalangan ahlinya. Walaupun ancaman dari Soviet sudah tidak lagi wujud, namun kesediaan negara-negara ini untuk bekerjasama di kalangan ahli termasuk juga Amerika merupakan sebab utama kenapa ianya masih mampu untuk bertahan sehingga ke hari ini. Kejayaan-kejayaan yang dikecapi oleh NATO juga adalah berasaskan kepada kerjasama yang wujud ini terutamanya dengan Amerika.<sup>116</sup> Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa bukanlah sesuatu yang perlu diragui NATO sebagai satu pertubuhan yang mempunyai kesepakatan yang kuat di kalangan ahlinya. Mungkin situasi inilah yang cuba ditonjolkan oleh Michael Howard dalam artikelnya '*An Unhappy Successful Marriage*' yang menyebut bahawa walaupun hubungan diantara ahli-ahli NATO adalah agak dingin, namun ia berjaya dalam misinya kerana setiap ahli dapat menjangkakan kemahuan ahli yang lain.<sup>117</sup>

Walau bagaimanapun, perdebatan ini tidak berhenti di situ sahaja kerana terdapat beberapa kumpulan yang menyatakan bahawa NATO menghadapi masalah yang getir mengenai soal kesepakatan terutamanya apabila berhadapan dengan isu-isu yang melibatkan kepentingan nasional negara tersebut. Keadaan ini telah dilihat sejak lewat 1980an lagi apabila kajian dibeberapa buah negara menunjukkan tentang persepsi yang berbeza-beza di beberapa buah negara di Eropah tentang kemampuan NATO menangani beberapa masalah di rantau tersebut.<sup>118</sup> Ini juga dilihat sebagai satu halangan yang besar perlu dihadapi oleh negara-negara untuk memastikan pertubuhan NATO ini dapat

<sup>116</sup> <http://www.nato.int/multi/video/lectures/031104/031104c.htm> (25 Dis. 2003).

<sup>117</sup> Michael Howard, *An Unhappy Successful Marriage*, Foreign Affairs, Vol. 78, Issue 3, 2002.

<sup>118</sup> Stephen F. Szabo, *Public Opinion and the Alliance: European and American Perspectives on Nato and European Security*, di dalam Stanley R. Sloan (Eds), *Nato in the 1990s*, Pergamon-Brassey's, 1989.

berfungsi dengan baik. Ini kerana ianya secara tidak langsung akan menggambarkan kemampuan yang ada pada ahli untuk berkerjasama dalam soal-soal ini.

Dalam perang yang berlaku di Bosnia, banyak pengalaman berharga dipelajari oleh anggota-anggota NATO terutamanya yang melibatkan soal kemahuan politik (*political will*) dikalangan ahli NATO. Oleh itu, ia sepatutnya dijadikan pengajaran kepada pertubuhan ini tentang perlunya kerjasama yang lebih kolektif dalam menjamin keamanan rantau tersebut. Dalam hal ini, persoalan utama yang timbul ialah sejauh manakah soal kesepakatan ini mampu dicapai pada masa-masa akan datang.<sup>119</sup> Ini adalah amat bergantung kepada bagaimana organisasi tersebut distrukturkan semula agar kesepakatan ini dapat dijadikan sebagai satu syarat utama dalam pembuatan keputusan dan tidak semata-mata bergantung kepada kekuatan Amerika Syarikat. Kini negara-negara Eropah bersepakat untuk mengurangkan kebergantungan kepada pihak Amerika Syarikat.

#### **4.1.4. Peranan Amerika Syarikat Di Eropah**

Berakhirnya Perang Dingin telah mencipta satu era baru dari segi keselamatan di Eropah. Walaupun begitu Amerika Syarikat masih lagi berminat dengan Benua Eropah yang terbuka dan menjalankan kerjasama bagi meneruskan jaminan kebebasan, keselamatan, kemakmuran di Eropah . Peranan Amerika Syarikat di Benua Eropah adalah penting bagi kedua-dua pihak iaitu Eropah sendiri dan Amerika Syarikat walaupun Perang Dingin

---

<sup>119</sup> Cincolta Howard, An Outline of American History, United States: United States Information Agency , 1999

telah tamat. Ini adalah kerana kedua-dua pihak masih terikat dengan kepentingan keselamatan sejagat, ekonomi dan politik.

Kritikan dari sesetengah ahli NATO yang menyatakan bahawa Amerika Syarikat lebih menumpukan kepada isu-isu dalaman berbanding isu-isu luaran adalah sengaja diperbesar-besarkan. Syak wasangka pihak Eropah terhadap Amerika Syarikat yang memusuhi Kesatuan Eropah yang mana telah dianggap memberi tekanan terhadap kepentingan Amerika Syarikat tidak perlu digembar-gemburkan.

Jaminan keselamatan oleh Amerika dengan kehadiran tenteranya merupakan satu sumbangan terhadap struktur pertahanan bersekutu NATO yang mana telah menjamin keselamatan kesemua negara Eropah terhadap kemungkinan dikuasai oleh kuasa lain. Penyelenggaraan baru untuk sumbangan setiap negara-negara di Barat Eropah amatlah diperlukan di mana tidak perlu bergantung kepada Amerika Syarikat secara amnya.<sup>120</sup>

Samada Eropah bersedia atau tidak untuk mempertingkatkan isu pertahanannya terletak di bahu mereka sendiri kerana Amerika Syarikat telah mengurangkan kepentingan mereka terhadap beban pertahanan yang terpaksa ditanggung sewaktu Perang Dingin. Kewujudan Kesatuan Eropah Barat (WEU) adalah sebagai satu-satunya pertubuhan pertahanan yang menggabungkan kesemua negara Eropah. WEU dan NATO seharusnya berfungsi untuk menyatukan negara-negara di benua Eropah. Kemungkinan

---

<sup>120</sup> Foreign Affairs, NATO's Expensive Trip East, January/February 1998.

wujud ketidaksefahaman antara WEU dan NATO bolehlah dikurang melalui pertemuan dan perbincangan dari semasa ke semasa.

#### **4.2. PERLUASAN KEANGGOTAAN NATO DAN KEPENTINGANNYA KEPADА KESELAMATAN EROPAH.**

Persoalan yang timbul ialah mengapa, di mana, bila dan bagaimana harus proses ini dilakukan. Walaupun berbagai-bagai isu-isu ditimbulkan ke arah perluasan itu termasuklah keahlian-keahlian PFP, namun perluasan pakatan tidak harus ditolak. Peringkat demi peringkat telah diambilkira termasuklah pandangan ahli NATO yang asal. Terdapat 7 perkara asas yang perlu diambilkira dalam perluasan NATO.

Pertamanya ialah matlamat pertahanan pakatan adalah menentukan kestabilan Eropah. Perluasan NATO seharusnya mengambil kira keselamatan dalam rantau termasuk negara-negara yang tidak menjadi ahli untuk menegakkan keselamatan dan kesepaduan antara negara melalui rangka kerja kestabilan yang digubal oleh NATO dan proses pembesaran NATO harus diputuskan dalam kaedah yang telus dan tidak ada kerahsiaan. Yang kedua ialah Moscow harus mengambil ikhtibar dan mempamerkan situasi yang sama seperti NATO iaitu dari aspek pemikiran pakatan atau dengan kata lain NATO seharusnya mengambil kira keutuhan pakatan Rusia. Yang ketiganya ialah tidak ada senarai jadual kepada negara yang ingin menyertai NATO maka jawapan yang

kritikal terhadap persoalan bagaimana dan bila kerjasama berakhir dalam usaha proses pembesaran NATO.<sup>121</sup>

Yang keempatnya negara manakah yang diiktiraf dan boleh menyertai NATO bukan hanya negara-negara serpihan. Yang seterusnya keputusan untuk menyertai NATO serta bilakah boleh menganggotai pakatan dan tidak harus ada negara luar yang menggunakan kuasa veto untuk menghalang. Keenam, kriteria ahli-ahli tidak ditetapkan. Ia kembali kepada konsep awal *Washington Treaty* masih terpakai sejak 1949. Negara-negara baru yang ingin menganggotai seharusnya demokratik, ekonomi pasaran bebas, berkeinginan untuk memenuhi tanggungjawab dasar keselamatan, dan berkeinginan untuk menyertai pakatan. Yang terakhirnya ialah adalah menjadi ingatan kepada negara-negara baru NATO memberi komitmen hubungan dua hala dalam bidang perjanjian pertahanan Amerika Syarikat. Payung keselamatan harus juga diperluaskan kepada negara-negara baru ini.

Penyertaan keanggotaan baru dikalangan negara-negara bekas Blok Tirai Besi dapat memberi sumbangan kepada Eropah. Ia berkemungkinan besar dari sudut ilmu-ilmu angkasa lepas, senjata nuklear ataupun kejuruteraan genetik. Di masa yang sama pula NATO dapat memberikan jaminan keselamatan kepada negara-negara tersebut. Tambahan pula senjata-senjata nuklear juga dapat dikurangkan melalui kerjasama dan hal ini dapat dilihat di mana hasil kerjasama NATO-Rusia perjanjian menghadkan senjata

---

<sup>121</sup> Michael Brown, Minimalist NATO : A Wise Alliance Knows When to Retrench, Issue 3, Foreign Affairs 1999.

Strategik atau *Start II*, kedua-dua pihak bersetuju mengurangkan simpanan senjata nuklear masing-masing.

Dua ahli utama NATO, Amerika dan Britain sendiri menyokong kuat konsep '*enlargement*'. Ini kerana konsep ini diyakini berupaya meningkatkan keupayaan NATO untuk mempertahankan negara-negara ahli di samping meluaskan hubungan kerjasama yang telah sedia wujud di kalangan anggota NATO.

Penglibatan institusi NATO dan EU harus dirangka dalam satu dasar yang baru melalui kesepaduan antara negara-negara ahli dan organisasi keselamatan yang lain serta pakatan di Eropah (OSCE). EU yang merupakan organisasi penting dalam politik dan ekonomi Eropah turut memainkan peranan penting terhadap penglibatan keselamatan di Eropah, penyatuan Eropah kini dapat mengatasi permasalahan pertindihan sempadan, masalah etnik, masalah sosial melalui program integrasi. Perluasan EU meliputi Cyprus dan Malta dilihat sebagai amat penting. Ia menggabungkan soal keseimbangan dua Eropah, kemasukan Austria, Finland dan Sweden telah menjadikan EU sebagai jambatan ke arah kestabilan dan kerjasama dirantau Eropah. Keahlian EU terus bertambah di Eropah Timur dan keahlian EU dan NATO agak kompleks bilamana ada yang menjadi ahli EU dan belum menjadi ahli NATO. Dalam keadaan tertentu ianya berlaku pertindihan peranan antara WEU,EU dan NATO dalam soal struktur keselamatan.

Walaupun NATO dan EU saling seiring dan organisasi lain yang wujud melihat dalam isu-isu yang lain dan di sini perlu memperkatakan OACE rangka kepada konsep

keselamatan Eropah. Dalam persidangan keselamatan dan kerjasama Eropah turut membincangkan mengenai hak asasi keselamatan dan perundingan dan usaha kerjasama ‘*preventive diplomacy*’ diambil kira dalam keadaan Eropah baru di mana 1975 lahirlah persidangan Helsinki, CSCE yang membincang soal hak asasi kemanusiaan dan nilai demokrasi.

Dengan perluasan keanggotaan NATO, keamanan keselamatan Eropah harus diambil kira melalui persefahaman strategik dengan pengurangan senjata sebagai alat utama kepada jaminan keselamatan. Sebagai contoh Ukraine juga menggunakan perjanjian pengharaman nuklear dan jaminan keselamatan kepada Belarus dan Kazakhstan. Matlamat asasnya ialah untuk mengambil kesempatan daripada perubahan sejarah yang meluaskan lagi pengaruh demokrasi, integrasi politik dan institusi keselamatan dan penyatuhan Eropah dengan penglibatan Amerika Syarikat. Seharusnya semua pihak yang terlibat harus merapatkan kembali ketidakseimbangan, kerumitan dan pembaharuan sejarah.

#### **4.3. KERJASAMA NEGARA-NEGARA EROPAH DENGAN NATO**

Bagi mewujudkan keselamatan di Rantau Eropah dan Atlantik Utara, dicadangkan pengujudan dan mengukuhkan *North Atlantic Cooperation Council* (NACC) dan *partnership for peace* (PFP). Partnership for peace (PFP) bukanlah satu organisasi yang tunggal malah ia merupakan satu cabang dalam perjanjian antara NATO dan 24 negara daripada Poland ke Armenia termasuk Rusia. Setiap rakan negara akan merangka

program untuk kepentingan bersama serta konsep PFP adalah sebagai alat untuk menghalau tujuan NATO dan ahli-ahlinya untuk berkerjasama. Dengan ini corak baru negara-negara yang baru mengamalkan demokrasi akan mengukuhkan kawalan demokratik diserap melalui pasukan ketenteraan dan belajar untuk merangka doktrin ketenteraan yang baru, kawalan persekitaran dan kesejagatan Eropah.

Dalam usaha kerjasama seharusnya wujud usaha bersama di antara NATO dan ahli-ahlinya agar kerjasama dalam menyelesaikan krisis atau operasi pengaman, pakatan dan keahlian dalam latihan ketenteraan di Poland, Netherlands dan Atlantik Utara. PFP telah menghasilkan nilai-nilai yang agak positif. 10 daripada rakan PFP telah pun menempatkan pegawai-pegawaiannya dalam aktiviti-aktiviti bersama NATO dan lainnya dijangka akan mengikutinya. Perancangan keselamatan dan proses menilai semula harus dilaksanakan antara rakan-rakan keahlian supaya lebih berkesan dan telus antara ahli-ahli pakatan. Ahli-ahli PFP hendaklah mempelajari mengenai prosedur NATO serta saling membantu antara ahlinya dalam membuat keputusan dengan mengambil kira pandangan ahli-ahli yang terlibat. PFP dapat melahirkan satu rangka kerja yang dapat dinilai dalam membuat keputusan di mana ia turut melibatkan ahli-ahli dalam pakatan itu sendiri. PFP seharusnya bekerja rapat dengan NATO kerana ini amat penting untuk mempertingkatkan keselamatan di rantau Eropah. Berlandaskan kepada matlamat ini, negara-negara EU telah bertindak menandatangani perjanjian Eropah (*Europe Agreements*) dengan 6 buah negara di Eropah Tengah dan Timur. Bagi mengelakkan masalah di rantau ini merebak ke

negara-negara Eropah yang lain, EU telah menubuhkan program bantuan ekonomi komprehensif dan bantuan teknikal kepada negara-negara tersebut.<sup>122</sup>

#### **4.3.1 Hubungan Dengan Rusia**

Rusia adalah republik tertua yang lahir dari kemusnahan Soviet Union. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan agar Rusia dapat menyertai NATO. NATO kini mula melihat Rusia sebagai berpontesi mengancam keselamatan Benua Eropah. Sungguhpun Rusia sudah mula menganuti nilai-nilai demokrasi, namun ia masih mengekalkan dasar-dasar luar Soviet Union. Ia dikekalkan bermatlamat mengembalikan kegemilangan Soviet Union melalui Rusia. Fokus Rusia kini kepada negara-negara Eropah Timur (yang sudah bebas dari Tirai Besi) dan negara-negara yang sedang membangun. Kepentingan Rusia di seluruh dunia giat diperkuuhkan kawalannya (seperti pengkalan senjata nuklear). Hubungan yang dipupuk erat dengan China dan campur tangan aktif Rusia di rantau lautan Caspian memperlihatkan kesungguhan Rusia untuk bangkit kembali sebagai sebuah kuasa besar bermaruah dan berpengaruh. Oleh itu, Amerika Syarikat dan sekutunya di dalam NATO merasakan penyelesaian terbaik ialah melalui penganggotaan Rusia ke dalam NATO.

Era Pasca Perang Dingin menggambarkan negara Rusia yang dilanda masalah ekonomi dan persengketaan. Rusia hanya dipenuhi ilusi kosong yang kecewa dan gagal. Rusia yang berada dalam lingkungan rantau Eropah masih memberi komitmennya dalam

---

<sup>122</sup> A Future Security Agenda for Europe, Report of the Independent Working Group, Stockholm International Peace Research Institute October 1996.

memainkan peranan utama di Eropah. Oleh itu sebarang isu-isu yang berlaku di rantau Eropah, Rusia harus diberi peranan dalam sebarang bentuk perbincangan dan tindakan. Dengan pembesaran NATO, Rusia harus diberi peluang menjadi rakan untuk tujuan penyelesaian konflik di Eropah.

Peranan NATO sebagai sebuah organisasi ketenteraan dipertikaikan oleh pihak Rusia. Andainya dengan kemasukkan Rusia sebagai ahli NATO akan menjadikan Rusia sebuah negara yang agresif. Sebaliknya Rusia lebih mementingkan hubungan baik dengan NATO. Ini dapat dilihat dari tindakan Rusia mengeluarkan angkatan tenteranya dan senjata nuklear dari Eropah Timur, Ukraine dan Belarus. Bilamana pihak Rusia tidak berhasrat untuk menyerang, pihak NATO pula cuba memperluaskan kewujudan tentera bersenjatanya. Kesannya dari pisikologi dari tindakan tersebut menjadikan imej Rusia tercemar.

NATO mempunyai dua halaju iaitu mengambil bahagian berkaitan dengan tingkahlaku masa depan Rusia dan mengekalkan komuniti Atlantik dari berpecah dengan mengekalkan tunjang politik, ekonomi dan kerjasama ketenteraan selepas era Perang Dingin. NATO merupakan satu instrumen bagi mengekalkan persengketaan terhadap perebutan kuasa di Eropah. Selama ini negara-negara yang berada di antara Jerman dan Rusia merasakan negara mereka terancam dan lemah berbanding dua kuasa besar tersebut. Dengan pembesaran NATO masalah ini dapat diselesaikan kerana negara-negara kecil tersebut akan berpeluang memasuki institusi Barat dan bagi negara Jerman pula akan menjadi rakan yang setaraf dengan Rusia tanpa perlu membentuk perikatan

untuk menentang Rusia.

Rusia merasakan bahawa program Perkongsian untuk Keamanan adalah merupakan instrumen yang penting untuk menyediakan kemungkinan terjadinya sesuatu peristiwa. Untuk tempoh terdekat, program tersebut adalah memadai. "*NATO and its partner countries specifying duties, rights, forms and mechanisms for consultation and cooperation, as well as partners. Opening individual, missions to NATO. Recall also the prologed U.S effort to move the NACC into the operational peacekeeping domain which it never did until PFP was agreed*".<sup>123</sup>

Moscow bimbang dengan pembesaran NATO yang mana akan bertentangan dengan Rusia secara langsung di mana NATO selaku organisasi ketenteraan akan menjadikan Rusia agresif, musuh dan tidak bekerjasama. Tetapi pembesaran NATO diharap dapat menjamin kestabilan serantau dan menjamin keselamatan negara-negara sekitarnya. "*The parties undertake as set forth in the charter of the United Nations, to settle any international dispute in which they may be involved by peaceful means in such a manner that international peace and security and justice are not endangered and to refrain in their international relations from the threat or use of force in any manner inconsistent with the purpose of the United Nations*".<sup>124</sup>

<sup>123</sup> HYPERLINK : “ [http://www.pbs.org/May999/NATO\\_Future.html](http://www.pbs.org/May999/NATO_Future.html)”

<sup>124</sup> George, Lisa, Nations The Future Of European Alliance System, US : Westview Press 1982.

Hubungan dengan bekas negara di Timur merupakan satu langkah kehadapan ke arah memperbesarkan dan memperbaiki kawasan keselamatan. Negara Rusia mempunyai agenda tersendiri yang mana tindakan tidak diketahui dan mungkin boleh mengancam keselamatan jirannya. NATO seharusnya lebih sensitif terhadap isu tersebut dan cuba menyediakan program-program dan jawatankuasa di mana bergantung kepada keperluan,

sumbang dan perlaksanaannya dari semasa ke semasa. "*If NATO moves eastward as planned, admitting Poland, Hungary and the Czech Republic by the end of the decade, the United States and others current members will under take new and potentially far reaching security obligations, a point that seems to elude proponents of NATO enlargement when the issue of financial cost is addressed.*"<sup>125</sup>

#### **4.4. PERANAN ORGANISASI KESELAMATAN DAN KEAMANAN SELAIN NATO DI EROPAH**

Bagi membantu keselamatan dan keamanan Eropah terjamin, beberapa organisasi lain telah ditubuhkan bagi membantu peranan NATO terutamanya dari aspek politik, ekonomi dan ketenteraan. Contohnya, penubuhan *North Atlantic Cooperation Council* (NACC) pada Disember 1991 diantara negara-negara NATO dan juga negara-negara Eropah lain misalnya merupakan satu perkara yang amat menarik untuk dibincangkan kerana ianya merupakan badang perundingan yang mampu menjadi pemangkin kemampuan NATO sehingga ke hari ini. Badan '*Ad Hoc*' bagi '*Peacekeeping*' yang dibentuk di dalam

---

<sup>125</sup> General Robert Close, Time for Action, Great Britain: Brassey's Publishers Limited 1983.

NACC misalnya telah berjaya membuktikan ianya berjaya dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk kepentingan Eropah.

Pada Mac 1992, ahli NACC diperluaskan ke negara-negara lain di mana ianya turut melibatkan negara-negara CIS. Pada Jun 1992, Georgia dan Albania turut diterima menjadi ahli. Seterusnya pada 1997, NACC telah digantikan oleh *Euro-Atlantic Partnership Council* (EAPC). Ahli-ahli EAPC ini telah membentuk *Partnership for Peace* (PFP), iaitu kerjasama kearah kestabilan dan keselamatan Eropah merupakan inisiatif yang telah dimulakan oleh NATO dalam sidang kemuncak di Brussels pada 1994.<sup>126</sup>

Kerjasama yang wujud ini ditambah lagi dengan kewujudan institusi-institusi yang menyokong NATO ini merupakan kekuatan yang utama badan tersebut. Ia juga merupakan petunjuk jelas bahawa organisasi ini mampu berfungsi dalam persekitaran yang baru selepas Perang Dingin.

#### **4.5. KESIMPULAN**

NATO mampu melaksanakan isu-isu semasa yang semakin mencabar pertubuhan tersebut terutama yang berkaitan dengan ancaman-ancaman yang bukan bersifat ketenteraan. Dalam hal ini didapati bahawa NATO tidak berjaya menghalang tercetusnya konflik, tetapi telah berjaya mencari beberapa penyelesaian kepada konflik atau

---

<sup>126</sup> Michael Brown , minimalist NATO: A Wise Alliance Knows whe to Retrench, Issue 3 Foreign Affair , 1999 hlm 25

peperangan tersebut. NATO perlu bergerak selari dengan tuntutan masa kini bagi membolehkannya relevan menangani masalah keselamatan di Eropah.

Untuk berfungsi sebagai sebuah pertubuhan keselamatan bagi Eropah, NATO harus mengujudkan pasukan tentera yang mempunyai kesepakatan yang jitu agar kerentak-kerentak politik dapat diatasi. Sebagai sebuah pertubuhan yang berpengalaman dan cekap dalam menghadapi saat-saat genting, NATO harus mempunyai pasukan yang dibentuk bagi melicinkan perjalanan perikatan tersebut. Sebagai contoh, dalam isu tindakan NATO menangani masalah Bosnia – Herzegovinia adalah bukti kemantapan organisasi ini. Cara penyelesaian yang diambil oleh NATO membuatkan masyarakat antarabangsa lebih optimistik akan keupayaan dan keberkesanannya. Tindakan NATO menggunakan kuasa tentera terhadap pihak Serb telah terbukti keberkesanannya bilamana pihak Serb akur dengan tekanan dan sanggup menyelesaikan masalah di meja rundingan.

Pendekatan baru dalam kes Bosnia, dimana NATO menggunakan kekerasan serentak dengan diplomasi bagi memaksa puak itu bersetuju berdamai adalah satu kejayaan dan membuktikan NATO berupaya menyelesaikan masalah keselamatan di Eropah yang ditimbulkan oleh ancaman bentuk baru ini. ( bukan ancaman dari Soviet Union )

Keupayaan dan kekuatan NATO bukan hanya terletak pada kekuatan ketenteraannya sahaja, malah kekuatannya terletak pada organisasi dalaman terutama

dalam soal kesepaduan dan pembuat keputusan. Keselamatan Eropah bertambah terjamin dengan adanya organisasi lain diluar NATO seperti CSCE dan EU. Namun begitu NATO tetap berfungsi sebagai badan keselamatan utama dan asas. Fungsi organisasi lain ini adalah sebagai pelengkap bagi menjadikan sistem pertahanan Eropah lebih mantap. Walaupun baru-baru ini ada kenyataan bahawa Kesatuan Eropah ( EU ) memiliki kemudahan perancangan ketenteraan, namun begitu ia bukanlah sebagai pesaing kepada NATO. NATO tetap menjadi tunggak pertahanan Eropah. Dengan contoh-contoh dan insiden yang berlaku di Bosnia, membuktikan bahawa NATO masih memberi peranan yang berkesan dan masih diperlukan bagi mengekal keselamatan Eropah selepas era Perang Dingin.

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

Matlamat asas NATO telah tercapai. Keruntuhan Soviet Union merupakan puncak kejayaan terunggul NATO semenjak ianya ditubuhkan. Keamanan telah berjaya dikembali dan dipulihkan di Benua Eropah, namun NATO perlu dipelihara supaya berperanan penting ke arah mencapai keamanan optimum di rantau Eropah. Disamping itu NATO juga perlu meluaskan fokusnya di luar Eropah, yakni keseluruh dunia bagi menjaga keselamatan kepentingan mereka di luar negara (*forward defence*).

Penubuhan NATO berpaksikan kepada usaha-usaha pengembelingan kuasa tentera. Dalam menghadapi alaf baru, NATO telah pun merombak strukturnya. Kekuatan ketenteraan masih menjadi elemen yang penting tetapi ia berada di belakang faktor keamanan. Ini merupakan syarat utama sebelum isu ketenteraan yang perlu dipertimbangkan. Kerana sesebuah negara itu perlukan kebebasan daripada sebarang konflik dengan negara-negara jiran di sekelilingnya.

NATO juga mula melihat peranan yang perlu dimainkannya telah berubah. Jika sebelum ini ia berperanan sebagai satu pakatan yang bersifat defensif dan ofensif kini ia lebih menjurus kearah usaha-usaha mewujudkan dan mengekalkan keamanan. Sebagai contoh pembabitian pasukan tentera NATO di bekas Yugoslavia yang bertujuan mengembalikan keamanan dan menghentikan kekejaman Serbia.

Di samping peranan keamanan yang dilaksanakan melalui pasukan ketenteraan, NATO juga harus mengubah fungsinya mengikut keadaan keselamatan semasa. NATO harus lebih cenderung ke arah kerjasama agar dunia mencapai kemakmuran. Contoh-contoh gagasan yang dicadangkan ke arah globalisasi dan pengujudan zon-zon atau kawasan perdagangan bebas seperti kerjasama dengan NAFTA ( Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara yang membabitkan Amerika Syarikat, Mexico dan Kanada), European Union dan juga hubungan yang lebih fleksibel dan berkembang dengan Rusia.

Sungguhpun demikian NATO perlu wujud bagi menghadapi sebarang kemungkinan dan ketidaktentuan ancaman yang bakal dihadapi. Musuh tradisi yang dulunya digeruni kerana kekuatan ketenteraan iaitu Soviet Union telah tidak lagi digeruni. Permasalahan-permasalahan yang berpunca daripada konflik kebudayaan bakal menggongcang keselamatan Eropah yang perlu dihadapi oleh NATO. Kini Eropah berhadapan dengan ancaman yang datangnya dari Negara-negara Eropah sendiri dan negara-negara yang fanatik dengan isu-isu keagamaan. Negara-negara Islam di Asia Barat juga jelas akan mendatangkan ancaman yang perlu diberi perhatian. Usaha-usaha pemimpin tertentu di rantau tersebut yang rancak membangunkan sistem persenjataan baik di sudut peluru berpandu nuklear ataupun anti benua dapat membuktikan teori bahawa kemungkinan ancaman yang bakal dihadapi oleh negara-negara Eropah. Oleh itu NATO haruslah bersedia terutamanya dari medan Selatan di Lautan Mediterranean akan ancaman yang mungkin dihadapi.

Bolehlah dirumuskan bahawa setelah berusia lebih 55 tahun, NATO adalah sebuah pakatan yang sudah matang, lengkap dengan ilmu-ilmu ketahanan (ketenteraan) berserta dengan kekayaan pengalaman mengendalikan konflik dalaman dan luarannya. Kekuatan dan kesediannya sebagai sebuah pakatan tentera terunggul dan terkuat di dunia tidak boleh dipersoalkan lagi. Peranan-peranan di masa mendatang lebih ke arah pengujudan dan pengekalan keamanan melalui kerjasama antara negara-negara anggota dan juga negara-negara di luar NATO. Hubungan yang erat dengan PBB atau UN dapat mengukuhkan lagi usaha-usaha membina dan menjaga keamanan di seluruh dunia pada masa-masa mendatang berkembang secara positif. Oleh itu keadaan-keadaan yang selesa ini memungkinkan segala hujah-hujah teori di atas. Oleh itu NATO perlu terus wujud sebagai jaminan terhadap keselamatan di rantau Eropah.

Persoalan yang telah dibangkitkan adalah merujuk kepada persoalan politik dan isu-isu pertahanan serta kepentingan-kepentingan yang dibuat dengan merujuk kepada peraturan pakatan Atlantik dalam pakatan era yang berubah. Pertubuhan NATO, pihak perundingan dan mereka-mereka yang membuat polisi kini menghadapi cabaran dan kesukaran dengan situasi yang dihadapi oleh NATO, persekitaran keselamatan kerana ia membabitkan kes keselamatan antara negara-negara.

Berlakunya sebarang perubahan yang besar kepada rantau Eropah, pastinya akan mengubah sistem dunia secara keseluruhan. Dalam hal ini, keselamatan Eropah masih dirujuk kepada ancaman ketenteraan daripada blok komunis. Oleh itu, semasa Perang Dingin di mana sistem keselamatan Eropah adalah bercorak ancaman ketenteraan, maka

NATO juga terpaksa berfungsi melalui kaedah ketenteraan ini bagi mengurangkan ancaman yang diterima dari Soviet dan negara-negara Eropah Timur lain.

Tamatnya Perang Dunia Kedua, Eropah diselubungi oleh satu keadaan yang amat genting. Ini adalah kerana ancaman yang langsung daripada Rusia dan negara satelitnya di Eropah Timur yang menggunakan Warsaw sebagai senjata utamanya. Keadaan ini menyebabkan Eropah melalui NATO terpaksa mempersiapkan diri mereka dengan segala kemungkinan berlakunya perang seperti yang pernah berlaku dalam krisis Cuba pada 1962 dan beberapa isu lain. Dalam hal ini, pemilikan senjata merupakan cara terbaik ke arah mengimbangi pengaruh Soviet yang sangat dominan pada masa itu.

Hubungan NATO dan Rusia dijalinkan kerana Rusia adalah sebahagian daripada Eropah. Jaminan keselamatan NATO terhadap seluruh Eropah haruslah mendapat kerjasama dari negara-negara ahli dan bukan ahli terutamanya Rusia. Dari sudut lain pula, dengan adanya PFP, kerjasama dapat diperluaskan lagi dan saluran keselamatan tidak lagi hanya dipikul melalui pertubuhan Atlantik Utara tetapi kini saluran yang lebih luas boleh dijalin bila mana keanggotaan PFP lebih besar daripada keahlian NATO. Persoalan baru timbul dengan kemasukan ahli-ahli baru dalam NATO kerana persoalan urusan memasuki pakatan harus diambil kira bersekali dengan komitmen, keupayaan ketenteraan, sistem politik dan keupayaan ekonomi. Dasar buka pintu NATO haruslah dipuji, walaupun begitu beberapa masalah politik antara ahli dalam NATO dan di dalam negara-negara baru harus diambil kira.

Penglibatan Amerika Syarikat dalam persekitaran keselamatan yang baru di rantau Eropah hendaklah difikirkan semula bila mana peranan yang diterajui oleh Amerika Syarikat lebih komitmen berbanding dengan negara-negara ahli di rantau Eropah Barat. Persoalan mungkinkah tanpa Amerika Syarikat NATO tidak berfungsi seperti yang dijangkakan. Dengan corak keselamatan baru di rantau Eropah adalah difikirkan bahawa keputusan NATO hendaklah berdasarkan kepada pertimbangan pakatan seharusnya membuat keputusan tentang sumbangan kewangan dan pakatan seharusnya menetapkan sempadan perkongsian dan tanggungjawab termasuk semua negara-negara baru perlu memberi komitmen dan pada masa yang sama perlu dilindungi seperti negara-negara asal.

Negara-negara baru harus mempertingkatkan kemampuan ketenteraannya agar perkembangan kuasa di rantau Eropah akan tercapai. NATO seharusnya berusaha ke arah menarik Rusia menyertai pakatan. Pembesaran NATO harus ditangani dan diuruskan jelasnya kepentingan NATO dalam menyertai misi-misi di bawah PBB dan haruslah dilihat sebagai satu tindakan yang positif. Usaha ke arah keselamatan Eropah yang ditangani oleh NATO tidak akan menjamin sepenuhnya keamanan tanpa penglibatan Rusia. Untuk itu harus dijelaskan dalam kaedah pembesaran dan urusan pakatan NATO. Seharusnya NATO dan Rusia diikat melalui undang-undang yang dikuatkuasakan untuk menyelaraskan masalah psikologi antara negara-negara Eropah akan konsep keselamatan dan sebenar-benar dalam konteks kerjasama. Kini Rusia dan negara-negara bekas Soviet Union tidak lagi dianggap musuh oleh negara Eropah Barat. Walaupun demikian kesan

psikologinya amat mendalam semasa era konfrontrasi Perang Dingin. Strategi pakatan harus disusun agar kerjasama diseluruh rantau Eropah benar-benar dapat diwujudkan.

Selepas melihat kesemua keadaan ini, jelaslah bahawa NATO merupakan satu pertubuhan yang berjaya memainkan peranannya sebagai sebuah pakatan yang bukan sahaja masih mengekalkan kemampuan ketenterannya, tetapi juga mempunyai peranan-peranan yang lain yang dilihat jauh lebih besar dari soal ketenteraan iaitu di dalam ‘peacekeeping’ dan sebagainya.. Hal ini dapat dilihat dengan jelas tentang bagaimana NATO berjaya melaksanakan misinya yang utama di negara Balkan semasa berlakunya krisis pembersihan etnik di bekas negara Yugoslavia.

Oleh itu, dapatlah dinyatakan bahawa NATO merupakan satu pertubuhan pakatan yang masih relevan dengan konteks keselamatan Eropah keseluruhannya. Namun beberapa perkara perlu diberi penekanan yang utama antaranya ialah NATO seharusnya mengurangkan keterlibatanya dalam usaha membangunkan ketenterannya. Ini kerana, keselamatan Eropah yang berlaku pada hari ini tidak menuntut kepada pennggunaan kuasa ketenteraan. Sebaliknya perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh NATO adalah dengan cara melihat sesuatu isu yang berlaku di peringkat serantau dan global ini daripada perspektif keselamatan yang menyeluruh iaitu keselamatan tidak hanya dilihat daripada perspektif tradisional semata-mata tetapi juga perlu melibatkan soal-soal lain seperti ekonomi, kebijakan dan lain-lain. Namun keterlibatan NATO dalam beberapa misi keamanan misalnya Pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu membuktikan hipotesis bahawa NATO masih relevan dalam konteks hari ini.

Bagi memastikan harapan ini akan terus berkekalan dan menjadikan NATO sebagai sebuah pertubuhan yang relevan dalam konteks keselamatan Eropah, maka tibalah masanya bagi negara-negara yang menggotai NATO untuk berdiri sendiri tanpa terlalu bergantung kepada bantuan daripada Amerika. Negara-negara ini perlu mempunyai pendirian sendiri dalam soal keselamatan bagi memastikan bahawa agendanya ditentukan dikalangan ahli dan bukannya negara luar. Dengan berbuat begini sahaja barulah cita-cita dan harapan murni penubuhan NATO untuk kepentingan keselamatan Eropah akan dapat dilaksanakan dengan baik

Berdasarkan kepada perbincangan secara keseluruhannya jelaslah bahawa keselamatan Eropah pada masa ini bukanya datang daripada isu-isu keselamatan tradisional semata-mata, tetapi soal keselamatan pokok bagi Eropah berkait dengan keselamatan manusia (Human Security). Oleh itu, adalah tidak lengkap jika perbincangan mengenai keselamatan Eropah tidak memasukkan unsur ini.

Oleh itu, dalam hal ini sekali lagi menegaskan bahawa keselamatan Eropah banyak ditentukan oleh kemampuan NATO beraksi dalam konteks antarabangsa. Kegagalan berbuat demikian hanya akan menjadikan Eropah sekali lagi medan kepada konflik antarabangsa seperti yang pernah berlaku sebelum Perang Dunia Pertama dan Selepas Perang Dunia Kedua. NATO perlu melakukan beberapa perubahan daripada menjadi alat untuk mengekang pengaruh Soviet dan Eropah Timur semasa Perang Dingin

kepada peranan yang lebih bersifat fleksibel dengan melihat juga kepada aspek-aspek lain seperti ekonomi, pembuatan keputusan dan lain-lain.

Selain itu, proses perluasan empayar NATO ke negara-negara bekas Eropah Timur juga menunjukkan bahawa NATO amat relevan dalam konteks keselamatan serantau Eropah. Malahan apa yang lebih membanggakan ialah NATO juga dapat menyelesaikan beberapa isu yang berlaku di negara-negara tersebut melalui keterlibatan organisasi-organisasi lain yang menjadi pelengkap kepada pakatan NATO ini. Disebabkan oleh hal ini, tidak mustahil sekiranya penulis menyatakan bahawa mati atau hidupnya Eropah adalah terletak ditangan peranan NATO. Oleh itu, negara-negara ini perlu menjadi ‘pemandu’ dan ‘penumpang’ yang baik dalam menguruskan keberkesanan NATO ini. Kejayaan menguruskan NATO ini pastinya akan menjadikan Eropah sebagai rantau keagungan kuasa dimana konsep hegemon akan bertapak semula di rantau tersebut.